

## Jawatankuasa pengembangan seni silat ditubuhkan

KUALA TERENGGANU, Isnin — Sebuah Jawatankuasa Pembangunan Silat ditubuhkan di peringkat Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bagi mengatur program dan strategi tertentu bagi pengembangan dan pembangunan silat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. *PENGETAHUAN*

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik berkata dengan adanya jawatankuasa itu, pengembangan dan pencapaian kita dalam lapangan silat akan meningkat pada masa akan datang.

Katanya, dalam usaha mengembangkan silat, kita juga tidak dapat lari daripada keperluan untuk mengukuhkan organisasi di segi sumber kewangan.

Keahlian Jawatankuasa Pembangunan Silat dianggotai oleh kementeriannya sendiri, Kementerian Luar Negeri, pendidikan, dalam negeri, belia dan sukan serta Persatuan Silat Kebangsaan (Pesa-

ka).

Beliau berkata demikian di majlis Perasmian Demonstrasi Seni Silat Negeri dan Kebangsaan 1988 di Padang Kelab Polo, di sini hari ini.

**22 MAR 1988**  
Tampil

Datuk Sabbaruddin berakata dalam usaha mengembangkan silat, kita juga tidak dapat lari daripada keperluan untuk mengukuhkan organisasi di segi sumber kewangan.

Beliau menyeru badan-ba-

dan swasta tampil ke hadapan dan membantu persatuan silat seperti menjadi penaja bagi membolehkan mereka menjalankan program yang dirancangkan dan masa yang sama persatuan silat seharusnya memikirkan cara mengatasi kewangan.

Datuk Sabbaruddin juga mencadangkan agar persatuan silat di sebuah negeri menggabungkan dirinya dengan Persatuan Silat Negeri masing-masing.

Persatuan Silat Negeri itu seharusnya menggabungkan dirinya dengan Persekutuan Silat Kebangsaan yang menjadi badan induk silat di peringkat kebangsaan.

Hanya dengan adanya

penyelaras seumpama ini sahaja barulah kita dapat mengambil tindakan seperti mengatur program latihan, meningkatkan pencapaian perguruan-perguruan, menyebarkan bahan penerangan silat dan menyediakan kemudahan latihan dengan lebih teratur.

Menurut Datuk Sabbaruddin, bagi peringkat kebangsaan sewajah Pesta kerja berfungsi melalui Persekutuan Silat Antarabangsa (Pesilat) bagi menentukan usaha pengembangan seni ini berjalan dengan jayanya.

Beliau berkata kementerian memperuntukkan kira-kira \$500,000 untuk promosi pelancongan di setiap negeri melalui iklan dan mengeluarkan risalah tahun ini.

*Z*  
**B. Hanan (M)**